



5 Februari 2016
5 February 2016
P.U. (A) 34

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LARANGAN MENGENAI JENIS-JENIS KACA TERTENTU) (PINDAAN) 2016

MOTOR VEHICLES (PROHIBITION OF CERTAIN TYPES OF GLASS) (AMENDMENT) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LARANGAN MENGENAI JENIS-JENIS KACA
TERTENTU) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) (Pindaan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Februari 2016.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 [*P.U. (A) 39/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini dipinda, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “benda” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “bahan”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “alatan ditetapkan” takrif yang berikut:

“ “bas” ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya tidak kurang daripada lapan orang termasuk pemandu;”.

Pindaan kaedah 5

4. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor yang cermin depan kenderaan itu diwarnakan, dilekapkan, disalut, disembur, ditampal, dipasang atau selainnya diproses atau dicampurkan dengan apa-apa bahan atau kimia hendaklah memastikan pemancaran menerusi cermin depan kenderaan itu sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus cahaya tampak.”;

(b) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor yang kaca atau bahan lutsinar lain dipasang pada sisi depan, sisi belakang atau belakang kenderaan itu diwarnakan, dilekapkan, disalut, disembur, ditampal, dipasang atau selainnya diproses atau dicampurkan dengan apa-apa bahan atau kimia hendaklah memastikan—

(a) pemancaran menerusi kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada sisi depan kenderaan itu sekurang-kurangnya lima puluh peratus cahaya tampak; dan

(b) pemancaran menerusi kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada sisi belakang dan belakang kenderaan itu sekurang-kurangnya tiga puluh peratus cahaya tampak.”; dan

(c) dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah yang berikut:

“(4) Walau apa pun subkaedah (3), pemunya berdaftar atau pemandu bas atau karavan yang kaca atau bahan lutsinar lain yang dipasang pada sisi depan, sisi belakang dan belakang bas atau karavan itu diwarnakan, dilekapkan, disalut, disembur, ditampal, dipasang atau selainnya diproses atau dicampurkan dengan apa-apa bahan atau kimia hendaklah memastikan pemancaran menerusi yang kaca atau bahan lutsinar lain itu sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus cahaya tampak.”.

Pindaan kaedah 9

5. Kaedah 9 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Jika pemeriksaan yang dijalankan oleh seorang pegawai diberi kuasa mendapati bahawa kehendak subkaedah 5(1), 5(3) atau 5(4) tidak dipatuhi, pegawai diberi kuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan ujian dalam borang yang ditentukan oleh Menteri.”.

Penggantian kaedah 10

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 10 dengan kaedah yang berikut:

“Penalti 10. Mana-mana pemunya berdaftar atau pemandu kenderaan motor yang tidak mematuhi Kaedah-Kaedah ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.”.